

**PENGARUH AGAMA DALAM INTERAKSI DAN  
TOLERANSI ETNIK: KAJIAN KES KE ATAS  
PELAJAR BUMIPUTERA SABAH DI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BUDI ANTO MOHD. TAMRING**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2008**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS\*

**Tajuk:** PENGARUH AGAMA DALAM INTERAKSI DAN TOLERANSI ETNIK: KAJIAN KES KE ATAS PELAJAR BUMIPUTERA SABAH DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**IJAZAH:** SARJANA SAINS SOSIAL (SOSIOLOGI HUBUNGAN ETNIK)

**SESI PENGAJIAN:** 2004-2007

Saya, BUDI ANTO MOHD. TAMRING mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan diperpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian saya.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(Penulis: **BUDI ANTO MOHD. TAMRING**)

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat:

Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah,  
Beg Berkunci 2073,  
88999, Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia.

(Penyelia: **Dr. Kntayya A/L Mariappan**)

Tarikh: 30 Jun 2008

Tarikh: 30/06/08

**CATATAN:** \* Tesis dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus, atau laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGAKUAN**

Saya mengakui bahawa tesis sarjana bertajuk, "Pengaruh Agama Dalam Interaksi Dan Toleransi Etnik: Kajian Kes Ke Atas Pelajar Bumiputera Sabah Di Universiti Malaysia Sabah" adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

26 Mac 2008



**BUDI ANTO MOHD. TAMRING**  
PS 04-003-003

**PENGESAHAN**

TAJUK:

**PENGARUH AGAMA DALAM INTERAKSI DAN  
TOLERANSI ETNIK: KAJIAN KES KE ATAS PELAJAR  
BUMIPUTERA SABAH DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

IJAZAH:


**SARJANA**

TARIKH VIVA:

**26 MAC 2008**

**DISAHKAN OLEH**

1. PENYELIA  
**DR. KNTAYYA A/L MARIAPPAN**
2. PENYELIA BERSAMA  
**PROF. MADYA. HASAN MAT. NOR**

  
TANDATANGAN  
  
TANDATANGAN

## PENGHARGAAN

**Bismillahirrahmanirrahim**, terlebih dahulu syukur dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya tesis ini dapat disiapkan dengan baik. Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah khususnya Yg. Bhg. Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin (Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah), Prof. Datin Dr. Maryati Mohamed (Dekan Pusat Pengajian PascasiswaZah) dan Prof. Dr. Sabihah Osman (Timbalan Dekan Pusat Pengajian PascasiswaZah) kerana memberi peluang kepada saya melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan memberi bantuan kewangan (biasiswa) sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia utama, insan yang amat dihormati Dr. Kntayya A/L Mariappan. Tesis ini hanya dapat disiapkan dengan bantuan dan seliaan dari beliau. Segala tunjuk ajar, nasihat, kesabaran dan kerjasama yang diberikan sepanjang saya menjalankan dan menyiapkan hasil penyelidikan ini diucapkan jutaan terima kasih. Begitu juga buat Prof. Madya. Hasan Mat. Nor selaku penyelia kedua. Terima kasih atas nasihat dan galakkan khususnya agar saya melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dalam program Sosiologi Dan Antropologi di Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah. Segala tunjuk ajar, nasihat dan galakkan yang diberikan amat-amat dihargai.

Teristimewa buat insan yang amat dikasihi, iaitu ibu-bapa dan abang, yang banyak memberi dorongan serta bantuan kepada saya untuk terus menimba ilmu dan tanpa jemu mendidik saya menjadi orang yang berguna kepada keluarga dan masyarakat. Sesungguhnya jasa kalian hanya Allah yang mampu membalaunya.

Tidak dilupakan, para pensyarah di Sekolah Sains Sosial khususnya Prof. Madya. Dr. Asmady Idris (Dekan Sekolah Sains Sosial), Prof. Madya. Dr. Rosazman Hussin (Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), Dr. Ramzah Dambul (Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pembangunan) En. Zaini, En. Ramli Dolah, En. Mustapa, Cik. Jaleha, En. Bilcher, En. Bazli, Prof. Madya. Dr. Ismail, En. Munir, En. Ali Akhbar, En. Poul Porodong, En. Shaffie, Puan Marja, Prof. Madya. Dr. Mohd Nor. Yazid, En. Azman, En. Wan Shawaluddin, En. Fazli dan Prof. Madya Dr. Balakrisnan yang banyak memberikan sokongan dari segi nasihat, sumbangan idea, memberi pinjaman buku-buku rujukan dan kerjasama yang baik sepanjang menyiapkan penulisan tesis ini. Jasa kalian akan dikenang sepanjang hayat.

Terima kasih juga ditujukan buat rakan-rakan khususnya kepada Mansur Tola, Mosli, Kusnadi, Scholastica, Bugan, Soon, Aiza, Suri, Maini, Kak Shida, Raman, Ramli, Armie dan Sheila atas bantuan ketika proses mengumpul data dan sumbangan material yang diberikan sepanjang penulisan tesis ini. Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pelajar Universiti Malaysia Sabah yang menjadi responden dalam kajian ini. Tanpa kerjasama kalian penulisan tesis ini mungkin tidak akan berjaya. Terima kasih buat kalian dan semoga berjaya dalam pelajaran dan bidang yang diceburi.

**BUDI ANTO MOHD TAMRING**  
Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah

## **ABSTRAK**

### **PENGARUH AGAMA DALAM INTERAKSI DAN TOLERANSI ETNIK: KAJIAN KES KE ATAS PELAJAR BUMIPUTERA SABAH DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Kajian ini membincangkan persoalan etnisiti di Sabah. Secara khususnya, dengan menggunakan sampel kajian yang terdiri daripada golongan pelajar bumiputera Sabah (Kadazandusun dan Bajau) yang menuntut di Universiti Malaysia Sabah, kajian ini cuba memahami pengaruh agama dalam hubungan etnik yang mereka alami dalam persekitaran sosial pelbagai etnik di universiti. Khususnya kajian ini cuba mengukur tahap interaksi dan toleransi etnik di kalangan mereka dan secara serentak cuba memahami sama ada agama merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi tahap interaksi dan toleransi tersebut. Dengan berpandukan kaedah pengukuran jarak sosial Borgadus, sejumlah item dalam bentuk pernyataan-pernyataan yang mengukur interaksi dan toleransi etnik telah dibina secara berasingan untuk tujuan ini. Sekaligus, nilai indeks sebagai petunjuk tahap interaksi dan toleransi juga telah digunakan dalam analisis data. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan tahap interaksi dan toleransi etnik di kalangan pelajar Kadazandusun dan Bajau di Sabah adalah tinggi. Sementara perbezaan agama mahupun tahap keagamaan yang berbeza di kalangan mereka juga jelas tidak mempengaruhi tahap interaksi dan toleransi etnik di kalangan mereka. Tahap interaksi dan toleransi etnik yang tinggi ini tidak dinafikan boleh difahami sebagai menggambarkan tindakan rasional dan sikap pragmatik yang diamalkan pelajar-pelajar ini dalam konteks sosial harian mereka di universiti. Dalam persekitaran sosial pelbagai etnik yang mereka lalui di universiti, tindakan dan sikap sedemikian sudah tentunya lebih relevan dan menguntungkan dari segi pengajian akademik mereka berbanding dengan tindakan dan sikap sempit yang mengutamakan keetnikan masing-masing. Pada masa yang sama penelitian terhadap pengalaman keseluruhan masyarakat pribumi di Sabah juga membantu menjelaskan fenomena ini. Pengalaman hubungan etnik di antara anggota kumpulan-kumpulan etnik pribumi di Sabah juga memperlihatkan interaksi dan toleransi etnik yang tinggi. Ini bermakna, hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan etnik di peringkat mikro, iaitu di peringkat hubungan sosial harian di kalangan pelajar di persekitaran kampus universiti juga konsisten dan dapat dihujah sebagai memperkuatkan penerusan pengalaman hubungan etnik yang mereka warisi di peringkat makro, iaitu di peringkat hubungan etnik masyarakat umum yang lebih luas.

## **ABSTRACT**

*This study discusses the questions of ethnicity in Sabah. By using the sample consists of bumiputra students of Universiti Malaysia Sabah, vis-a-vis; Kadazandusun and Bajau; this study attempts to understand the influence of religious factor that exist within the social environment of plural ethnics relations. Specifically, this study sought to measure the level of interaction and ethnic tolerance among the sample studied and concurrently explore whether religion as a prime factor that determine or influence ethnicity. In doing so, based on Borgadus Social Measurement Method, an aggregate of items in the form of several different problem of statements has been purposely designed to measure the level of interaction and ethnic tolerance. In sum, this study found that level of interaction and ethnic tolerance among the bumiputra students of Kadazandusun and Bajau in Sabah are high. Interestingly, the level of religious differences and religiousness among the students does not indicate a significant effect in influencing the level of interaction and ethnic tolerance among themselves. Such phenomenon clearly reflects types of rational actions and pragmatic attitudes possesses by the students in their daily social interaction at the university. These rational actions and pragmatic attitudes obviously relevant to their studies and would benefit them academically. The pattern of social interaction among the sample studied also reflects the form of social interaction and ethnic tolerance of the Sabah society at large. The social experiences of various native ethnic groups in Sabah also manifested the high level of ethnic tolerance and interaction. Therefore, this study has found that ethnic relations at the micro level experienced by the students in the university environment are in accordance with the pattern and types of ethnic relations at the macro level. As such can be argued as consistent with the form of ethnic relations they inherited from the wider social structure of Sabah society.*

## ISI KANDUNGAN

| TAJUK   | Halaman |
|---|---------|
| PENGAKUAN   | ii      |
| PENGESAHAN  | iii     |
| PENGHARGAAN   | iv      |
| ABSTRAK   | v       |
| ISI KANDUNGAN   | vii     |
| SENARAI RAJAH   | ix      |
| SENARAI JADUAL  | x       |
| SENARAI SINGKATAN                                       | xii     |
| SENARAI LAMPIRAN  | xiii    |
| <b>BAB 1: PENGENALAN</b>                                |         |
| 1.0 PENDAHULUAN   | 1       |
| 1.1 MASYARAKAT PELBAGAI ETNIK DI SABAH                  | 2       |
| 1.1.1 Komposisi Penduduk                                | 2       |
| 1.1.2 Komposisi Agama                                   | 5       |
| 1.1.3 Petempatan Dan Kegiatan Ekonomi Penduduk          | 8       |
| 1.1.4 Politik Dan Persatuan Sosial                      | 9       |
| 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN                                 | 11      |
| 1.3 OBJEKTIF KAJIAN                                     | 14      |
| 1.4 HIPOTESIS KAJIAN                                    | 14      |
| 1.5 FOKUS KAJIAN  | 14      |
| 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN                                  | 15      |
| 1.7 STRUKTUR BAB TESIS                                  | 16      |
| 1.8 KESIMPULAN  | 17      |
| <b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS DAN PERSPEKTIF TEORI</b> |         |
| 2.0 PENDAHULUAN   | 18      |
| 2.1 SOROTAN KAJIAN LEPAS                                | 18      |
| 2.2 PERSPEKTIF TEORI                                    | 32      |
| 2.2.1 Agama Dari Perspektif Fungsional Dan Konflik      | 32      |
| 2.2.2 Teori Sempadan Etnik Dan Jarak Sosial             | 34      |
| 2.3 KESIMPULAN  | 40      |
| <b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>                         |         |
| 3.0 PENDAHULUAN   | 42      |
| 3.1 MODEL AWAL KONSEPTUAL PENYELIDIKAN                  | 42      |

|   |   |     |
|---|---|-----|
| 3.2   | PENDEKATAN KAJIAN   | 43  |
| 3.3   | ALAT PENGUMPULAN DATA   | 44  |
| 3.2.1   | Borang Soal-selidik   | 44  |
| 3.2.2   | Temubual Berkumpulan ( <i>fokus group</i> )                                 | 44  |
| 3.4   | PEMILIHAN SAMPEL KAJIAN   | 45  |
| 3.5   | DEFINISI DAN PENGOPERASIAN KONSEP   | 47  |
| 3.5.1   | Agama Dan Tahap Keagamaan   | 47  |
| 3.5.2   | Interaksi Etnik   | 49  |
| 3.5.3   | Toleransi Etnik   | 53  |
| 3.6   | KAEDAH ANALISIS DATA  | 56  |
| 3.6.1   | Pembinaan Indeks Pengukuran Interaksi Dan Toleransi Etnik                   | 57  |
| 3.7   | KESIMPULAN  | 61  |
| <b>BAB 4: PENEMUAN KAJIAN: PENGARUH AGAMA DAN INTERAKSI ETNIK</b> |   |     |
| 4.0   | PENDAHULUAN   | 62  |
| 4.1   | TAHAP INTERAKSI ETNIK   | 62  |
| 4.2   | PENGARUH AGAMA DALAM INTERAKSI ETNIK  | 71  |
| 4.2.1   | Tahap Interaksi Etnik Mengikut Kategori Agama<br>Dan Tahap Amalan Keagamaan | 72  |
| 4.2.2   | Tahap Interaksi Etnik Merentasi Agama Mengikut Agama<br>Dan Tahap Keagamaan | 79  |
| 4.3   | KESIMPULAN  | 88  |
| <b>BAB 5: PENEMUAN KAJIAN: PENGARUH AGAMA DAN TOLERANSI ETNIK</b> |   |     |
| 5.0   | PENDAHULUAN   | 92  |
| 5.1   | TAHAP TOLERANSI ETNIK   | 93  |
| 5.2   | PENGARUH AGAMA DALAM TOLERANSI ETNIK  | 102 |
| 5.2.1   | Tahap Toleransi Etnik Mengikut Agama Dan Tahap<br>Keagamaan                 | 102 |
| 5.2.2   | Tahap Toleransi Etnik Merentasi Agama Mengikut Agama<br>Dan Tahap Keagamaan | 107 |
| 5.3   | KESIMPULAN  | 115 |
| <b>BAB 6: PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN</b>                         |   |     |
| 6.0   | PENDAHULUAN   | 119 |
| 6.1   | RUMUSAN KAJIAN  | 119 |
| 6.2   | IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN TERHADAP KAJIAN-KAJIAN LEPAS                       | 123 |
| 6.3   | PENJELASAN TERHADAP HASIL PENEMUAN KAJIAN                                   | 127 |
| 6.4   | HUBUNGAN ETNIK DI PERINGKAT MIKRO DAN MAKRO DI SABAH                        | 141 |
| 6.5   | KESIMPULAN  | 143 |
| <b>BAB 7: PENUTUP</b>   |   |     |
| 7.0   | PENDAHULUAN   | 145 |
| 7.1   | RINGKASAN RUMUSAN KAJIAN KESELURUHAN  | 145 |
| 7.2   | MODEL KONSEPTUAL HASIL DAPATAN KAJIAN                                       | 146 |
| 7.3   | BATASAN DAN CADANGAN KAJIAN   | 148 |
| 7.4   | KESIMPULAN  | 148 |
| <b>RUJUKAN</b>  |   | 150 |
| <b>LAMPIRAN</b>   |   | 160 |

## **SENARAI RAJAH**

|  | <b>Halaman</b> |
|--|----------------|
| Rajah 3.0      Model Awal Konseptual Penyelidikan    | 43             |
| Rajah 7.0      Model Konseptual Hasil Dapatan Kajian | 147            |

## **SENARAI JADUAL**

|  | <b>Halaman</b> |
|--|----------------|
| Jadual 1.0 Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik Di Negeri Sabah Tahun 2000                    | 3              |
| Jadual 1.1 Jumlah Penduduk Mengikut Agama Dan Etnik Di Sabah 1960                                | 6              |
| Jadual 1.2 Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik Dan Agama Di Sabah Tahun 2000                 | 7              |
| Jadual 1.3 Taburan Etnik Mengikut Bahagian Di Sabah Tahun 2000                                   | 9              |
| Jadual 1.4 Senarai Persatuan Etnik Di Sabah  | 10             |
| Jadual 3.0 Kerangka Persampelan  | 46             |
| Jadual 3.1 Pernyataan-pernyataan Mengukur Tahap Keagamaan  | 48             |
| Jadual 3.2 Pernyataan Mengukur Tahap Interaksi Etnik   | 50             |
| Jadual 3.3 Pernyataan Mengukur Tahap Toleransi Etnik   | 55             |
| Jadual 3.4 Contoh Pembinaan Indeks Tahap Interaksi Etnik Responden                               | 58             |
| Jadual 3.5 Contoh Pembinaan Indeks Tahap Interaksi Etnik Responden Secara Keseluruhan            | 60             |
| Jadual 4.0 Interaksi Etnik Bagi Keseluruhan Responden  | 63             |
| Jadual 4.1 Indeks Interaksi Etnik Responden Mengikut Beberapa Angkubah Latarbelakang             | 65             |
| Jadual 4.2 Pergaulan Etnik Responden Sebelum Masuk Universiti                                    | 71             |
| Jadual 4.3 Pola Kekerapan Interaksi Etnik Responden Berdasarkan Agama                            | 73             |
| Jadual 4.4 Indeks Interaksi Etnik Responden Mengikut Agama Dan Etnik                             | 74             |
| Jadual 4.5 Pola Kekerapan Interaksi Etnik Responden Berdasarkan Perbezaan Tahap Amalan Keagamaan | 77             |
| Jadual 4.6 Pengaruh Tahap Amalan Keagamaan Dalam Interaksi Etnik                                 | 78             |
| Jadual 4.7 Interaksi Etnik Merentasi Agama Secara Umum   | 81             |
| Jadual 4.8 Interaksi Etnik Merentasi Agama Mengikut Kumpulan Agama Dan Etnik Responden           | 82             |

|             |   |     |
|-------------|---|-----|
| Jadual 4.9  | Tahap Interaksi Etnik Merentasi Perbezaan Agama Mengikut Tahap Keagamaan Responden                    | 86  |
| Jadual 4.10 | Pengaruh Tahap Amalan Keagamaan Dalam Interaksi Etnik Merentasi Perbezaan Agama                       | 87  |
| Jadual 4.11 | Pergaulan Antara Agama Responden Sebelum Masuk Universiti   | 88  |
| Jadual 5.0  | Pola Dan Tahap Toleransi Etnik Secara Umum  | 93  |
| Jadual 5.1  | Indeks Toleransi Etnik Mengikut Beberapa Angkubah Kajian  | 98  |
| Jadual 5.2  | Pola Penerimaan Toleransi Etnik Responden Berdasarkan Perbezaan Agama                                 | 103 |
| Jadual 5.3  | Indeks Toleransi Etnik Mengikut Agama Dan Etnik Responden   | 104 |
| Jadual 5.4  | Toleransi Etnik Responden Mengikut Perbezaan Tahap Amalan Keagamaan                                   | 105 |
| Jadual 5.5  | Toleransi Etnik Mengikut Tahap Amalan Keagamaan, Agama Dan Etnik Responden                            | 107 |
| Jadual 5.6  | Toleransi Etnik Merentasi Agama Secara Umum   | 108 |
| Jadual 5.7  | Toleransi Etnik Merentasi Agama Mengikut Perbezaan Agama Dan Etnik Responden                          | 109 |
| Jadual 5.8  | Toleransi Etnik Merentasi Agama Mengikut Tahap Amalan Keagamaan Responden                             | 113 |
| Jadual 5.9  | Pengaruh Tahap Amalan Keagamaan Dalam Interaksi Etnik Merentasi Perbezaan Agama                       | 114 |
| Jadual 6.0  | Kumpulan Etnik Pribumi Sabah Mengikut Jabatan Muzium Sabah  | 129 |
| Jadual 6.1  | Kumpulan Etnik Pribumi Atau Bumiputera Sabah Mengikut Klasifikasi Kerajaan Persekutuan Malaysia       | 130 |
| Jadual 6.2  | Taburan Penduduk Mengikut Agama Etnik 1970  | 132 |
| Jadual 6.3  | Taburan Etnik Mengikut Bahagian Di Sabah Tahun 2000   | 134 |
| Jadual 6.4  | Statistik Perkahwinan Campur/ Etnik Yang Didaktarkan Di Jabatan Pendaftaran Kota Kinabalu (1994-2004) | 138 |
| Jadual 6.5  | Penduduk Bumiputera Sabah Tahun 1980  | 139 |

## **SENARAI SINGKATAN**

|          |  |
|----------|--|
| Yg. Bhg. | Yang Berbahagia                            |
| Dr.      | Doktor                                     |
| Prof.    | Profesor                                   |
| A/L      | Anak Lelaki                                |
| UMS      | Universiti Malaysia Sabah                  |
| USNO     | United Sabah Nasional Organisation         |
| BERJAYA  | Bersatu Rakyat Jelata Sabah                |
| UMNO     | United Malays Nasional Organisation        |
| MCA      | Malaysia Chinese Association               |
| MIC      | Malasian Indian Congress                   |
| UNKO     | United Nasional Kadazan Organisation       |
| UPMO     | United Nasional Pasok-momogun Organisation |
| PBRS     | Parti Bersatu Rakyat Sabah                 |
| SAPP     | Sabah Progressive Party                    |
| PBS      | Parti Bersatu Sabah                        |
| AKAR     | Angkatan Keadilan Rakyat                   |
| LDP      | Liberal Democratic Party                   |
| KDCA     | Kadazandusun Cultural Assocation           |
| USA      | United States Of America                   |
| KK       | Kota Kinabalu                              |
| SPSS     | Statistic Package for Social Sciences      |

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **Halaman**

|            |  |     |
|------------|--|-----|
| Lampiran A | Jadual Kumpulan Etnik Pribumi Sabah Mengikut Jabatan Muzium Sabah  | 160 |
| Lampiran B | Jadual Kumpulan Etnik Pribumi atau Bumiputera Sabah Mengikut Klasifikasi Kerajaan Persekutuan Malaysia                   | 161 |
| Lampiran C | Jadual Pola Kekerapan Interaksi Etnik Responden Berdasarkan Etnik  | 162 |
| Lampiran D | Jadual Pola Kekerapan Interaksi Etnik Responden Berdasarkan Jantina  | 163 |
| Lampiran E | Jadual Indeks Interaksi Etnik Responden Berdasarkan Tempat Tinggal Asal  | 164 |
| Lampiran F | Jadual Pola Kekerapan Interaksi Etnik Responden Berdasarkan Latarbelakang Etnik Keluarga                                 | 165 |
| Lampiran G | Jadual Indeks Interaksi Etnik Responden Kadazandusun dan Bajau Mengikut Perbezaan Agama                                  | 166 |
| Lampiran H | Jadual Indeks Interaksi Etnik Responden Kadazandusun dan Bajau Dengan Kumpulan Etnik yang Berbeza Agama                  | 167 |
| Lampiran I | Jadual Indeks Interaksi Etnik merentasi perbezaan agama Responden Kadazandusun dan Bajau Mengikut Tahap Amalan Keagamaan | 168 |
| Lampiran J | Jadual Tahap Toleransi Etnik Responden Berdasarkan Perbezaan Etnik   | 169 |
| Lampiran K | Jadual Tahap Toleransi Etnik Mengikut Jantina Responden  | 170 |
| Lampiran L | Jadual Tahap Toleransi Etnik Mengikut Tempat Tinggal Asal Responden  | 171 |
| Lampiran M | Jadual Tahap Toleransi Etnik mengikut Latarbelakang Etnik Ibu bapa Responden   | 172 |
| Lampiran N | Jadual Indeks Toleransi Etnik Responden Kadazandusun dan Bajau Mengikut Perbezaan Agama                                  | 173 |
| Lampiran O | Jadual Indeks Toleransi Etnik Mengikut Etnik, Agama dan Tahap Amalan Keagamaan   | 174 |

|            |   |     |
|------------|---|-----|
| Lampiran P | Jadual Indeks Toleransi Etnik Responden Kadazandusun dan Bajau Terhadap Individu Dari Kumpulan Etnik dan Agama Lain | 175 |
| Lampiran Q | Borang Soal Selidik Kajian  | 176 |

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 PENDAHULUAN

Masyarakat moden hari ini, hampir semuanya memperlihatkan ciri-ciri kependudukan yang bersifat pelbagai etnik. Kepelbagaian dari segi ciri-ciri kebudayaan dan identiti ini banyak menimbulkan masalah khususnya dalam mewujudkan interaksi sosial, toleransi dan perpaduan di kalangan penduduk pelbagai etnik di sesebuah negara. Justeru masalah-masalah ini telah menjadi permasalahan utama dalam politik khususnya untuk membentuk perpaduan dalam masyarakat berbilang etnik di negara-negara moden di seluruh dunia (Horowitz, 1985: xi; Connor, 1978: 382; Wardhaugh, 1987:52) termasuk masyarakat di Malaysia.

Mewujudkan suasana hubungan harmoni dalam masyarakat berbilang etnik seperti di Malaysia bukanlah perkara mudah untuk dicapai. Ia bukan sahaja amat bergantung kepada faktor-faktor makro seperti perubahan politik, ekonomi, sosial serta peristiwa-peristiwa dalam sejarah masyarakat, tetapi ia juga dipengaruhi oleh faktor-faktor mikro yang beroperasi di peringkat interaksi harian masyarakat<sup>1</sup> (Cooley, 1909 dalam Mariappan, 1996: 312; Nash, 1989: 30). Faktor-faktor mikro ini menjelma menerusi berbagai bentuk amalan seperti budaya, penggunaan bahasa dan agama bahkan amalan seperti ini boleh dijadikan sebagai identiti penting sesuatu kumpulan etnik (Anderson & Taylor, 2004: 312).

Contohnya seperti amalan agama, perbezaan amalan agama di antara kumpulan-kumpulan etnik dalam masyarakat secara langsung boleh mengukuhkan perasaan keetnikan dan semangat kekitaan di kalangan ahli-ahli kumpulan etnik yang

<sup>1</sup> Idea melihat peringkat hubungan sosial dalam masyarakat khususnya dalam kajian sosiologi telah diperkenalkan oleh Cooley 1909. Cooley membezakan hubungan sosial dalam masyarakat kepada dua peringkat iaitu peringkat *Primer* dan peringkat *Secondary*.

berlainan (Enloe, 1970: 24-27; Means, 1976: 17-18). Malah agama juga mampu mempengaruhi sikap dan tingkahlaku individu dalam kehidupan sehari-hari khususnya dalam interaksi merentasi sempadan etnik (Enloe dalam Hutchinson & Smith, 1996: 199-200). Contohnya dalam hal pemilihan pasangan berkahwin, rakan, pemimpin dan jiran. Oleh itu, kajian ini cuba memahami faktor tersebut, iaitu pengaruh agama ke atas interaksi dan toleransi etnik di kalangan penduduk etnik pribumi<sup>2</sup> di negeri Sabah.

## **1.1 MASYARAKAT PELBAGAI ETNIK DI SABAH**

Untuk memahami hubungan etnik di Sabah, terlebih dahulu dijelaskan secara umum latarbelakang negeri Sabah dan kumpulan-kumpulan etniknya. Negeri Sabah yang dahulunya dikenali sebagai *North Borneo* adalah negeri kedua terbesar di Malaysia dan terletak di bahagian utara Pulau Borneo (Ismail, 2004:25). Sabah meliputi kawasan seluas 73,997 kilometer persegi (Jabatan Perangkaan Kota Kinabalu, 2003) dan kawasan pantai sepanjang 14,400 kilometer yang bersempadan dengan Laut Cina Selatan yang terletak di Pantai Barat, Laut Sulu di sebelah Timur Laut dan Laut Celebes di sebelah Selatan (Jabatan Muzium Sabah, 2002). Sabah yang terkenal dengan gelaran “Negeri Di Bawah Angin atau Bayu”, bukan sahaja kaya dengan keindahan alam semulajadinya tetapi juga kaya dengan warisan budaya masyarakatnya. Kekayaan warisan budaya masyarakatnya ini dicerminkan melalui kepelbagaiannya kumpulan etnik dan juga agama pendudukannya.

### **1.1.1 Komposisi Penduduk**

Penduduk di negeri Sabah pada tahun 2000 di kategorikan kepada lapan kumpulan etnik utama iaitu Kadazandusun, Bajau, Murut, Melayu, Bumiputera Lain, Cina, Lain-lain dan Bukan Warganegara (Banci Penduduk dan Perumahan, 2000: 35). Etnik Kadazandusun dan Bajau merupakan kumpulan etnik utama yang terbesar di negeri Sabah iaitu mewakili lebih 30% daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri

---

<sup>2</sup> Istilah Pribumi walaupun didakwa oleh beberapa pihak sebagai berbeza dengan istilah Bumiputera tetapi dalam kajian ini penulis menggunakan kedua-dua istilah ini dengan maksud yang sama. Ini kerana penulis menggunakan kedua-dua istilah ini bukan untuk membuat perbandingan antara penduduk Pribumi atau Bumiputera tetapi untuk menggambarkan penduduk Sabah secara keseluruhannya. Justeru itu, penulis menggunakan kedua-dua istilah ini secara silih berganti untuk menerangkan etnik pribumi atau etnik bumiputera Sabah.

Sabah. Dipercaya kumpulan etnik yang pertama sampai di Sabah ialah Dusun<sup>3</sup> (istilah yang digunakan sebelum penggunaan istilah Kadazandusun) dan Murut. Mereka dikatakan sampai ke benua Asia melalui proses migrasi kira-kira 1,500 hingga 1,000 sebelum masihi (William, 1965: 5). Kelompok ini secara umumnya disebut Melayu-Proto yang mengamalkan rumpun Austronesia (Collins, 1998:3-4, Bellwood, 1985: 103).

Jadual 1.0: Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik di Negeri Sabah Tahun 2000

| <b>Kumpulan Etnik/Kaum</b> | <b>Jumlah</b>    | <b>Peratusan (%)</b> |
|----------------------------|------------------|----------------------|
| Kadazandusun               | 479,944          | 18.44                |
| Bajau                      | 343,178          | 13.18                |
| Murut                      | 84,679           | 3.25                 |
| Melayu                     | 303,497          | 11.66                |
| Bumiputera Lain            | 390,058          | 14.98                |
| Cina                       | 262,115          | 10.07                |
| Lain-lain                  | 125,190          | 4.9                  |
| Bukan Warganegara          | 614,824          | 23.62                |
| <b>Jumlah</b>              | <b>2,603,485</b> | <b>100</b>           |

Sumber: Banci Penduduk Dan Perumahan, Jabatan Perangkaan Malaysia (2000)

Masyarakat di Sabah pada peringkat awalnya adalah terdiri daripada kumpulan-kumpulan etnik pribumi sahaja. Kumpulan-kumpulan etnik pribumi ini mempunyai bilangan yang banyak dan sebahagian besar kumpulan-kumpulan etnik tersebut direkodkan dalam kategori kumpulan etnik bumiputera lain dalam Banci Penduduk Dan Perumahan Sabah tahun 2000. Kumpulan etnik pribumi yang utama selain Kadazandusun, Murut dan Bajau ialah Paitan. Terdapat juga kumpulan etnik dan sub etnik penduduk pribumi lain seperti Ida'an, Kwijau, Tatana, Lotud, Rungus, Sukang, Tangara, Kimaragang, Garo, Tobilung, Kedayan, Dumpas, Minokok, Rumanau, Mangkaak, Bundu, Makiang, Malapi, Sinapuru, Sinabu, Kolobuan, Pingas,

<sup>3</sup> Dusun adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan komuniti Dusun di Sabah sebelum wujudnya identiti Kadazandusun pada tahun 1963. Dusun merujuk Kadazandusun. Pada hari ini kedua-dua istilah ini masih digunakan dan ia menggambarkan kumpulan etnik yang sama. Penulis menggunakan kedua-dua istilah ini secara silih berganti mengikut data yang dipetik dari tulisan penulis-penulis lain.

Tidong, Songsogon, Gonsomon, Tuhawan, Tutung, Liwan, Tolinting, Bonggi, Gana-Dusun, Paitan, Lingkabu, Ngabai, Tombonuo, Lobo, Murut, Tindal, Bisaya dan Orang Sungai (Mat Zin, 2003: 24).

Jumlah kumpulan etnik pribumi di Sabah ini walau bagaimanapun berbeza-beza seperti yang didakwa oleh beberapa pihak. Bilangan kumpulan etnik pribumi di Sabah seperti dalam rekod yang dipamerkan di Jabatan Muzium Sabah, ialah 72 kumpulan etnik (Jabatan Muzium Sabah 2007). Manakala Pendaftar Pertubuhan Cawangan Sabah merekodkan 41 kumpulan etnik (Pendaftar Pertubuhan Cawangan Sabah, Fail 1212/76). Kerajaan persekutuan Malaysia pula mengklasifikasikan hanya 28 kumpulan etnik pribumi dan bumiputera sahaja. Rujuk Lampiran A Jadual etnik pribumi Sabah mengikut klasifikasi Jabatan Muzium Sabah dan Lampiran B Jadual kumpulan etnik pribumi dan bumiputera Sabah mengikut klasifikasi kerajaan persekutuan di muka surat 160 dan 161.

Komposisi penduduk di Sabah dikatakan telah berubah menjadi sebuah masyarakat majmuk terutamanya akibatnya akibatnya ekoran daripada proses migrasi yang berlaku seawal kurun ke 10 masih lagi dari Tanah Besar China, India, Kepulauan Philipina dan Sulu, Kepulauan Cocos dan Maluku, Indonesia dan lain-lain (<http://www.idesa.net.my/modules/news/makepdf.php?storyid=297>). Kedatangan orang Cina secara besar-besaran pula berlaku seawal tahun 1820-an dari tanah besar dan Hong Kong (Khoo, 1979: 13-14). Percampuran masyarakat pelbagai etnik di Sabah bertambah lebih kompleks lagi semasa pemerintahan *British North Borneo Chartered Company* pada tahun 1881-1946 yang telah membawa banyak masuk buruh asing untuk menampung kekurangan tenaga buruh ketika itu (Tregonning, 1967: 153).

Pihak British yang mengambil pekerja-pekerja upahan dari luar mengakibatkan berlakunya kemasukan beramai-ramai tanpa sekatan terutamanya dari Kalimantan dan Filipina. Pendatang-pendatang ini dikehendaki bekerja dalam sektor perladangan tembakau sekitar tahun 1900 dan 1910 dan getah sekitar tahun 1910 dan 1940 (<http://www.idesa.net.my/modules/news/makepdf.php?storyid=297>). Kemasukan imigran luar yang dibawa oleh pihak British pada awalnya bertujuan

untuk kepentingan ekonomi juga telah menyumbang kepada pembentukan masyarakat pelbagai etnik dan agama pada hari ini.

### **1.1.2 Komposisi Agama**

Dari segi kepercayaan agama pula, penduduk bumiputera Sabah sebelum kedatangan agama Islam dan Kristian dipercayai menganut *Pagan*<sup>4</sup>. William (1965), pernah menulis tentang masyarakat Dusun di *North Borneo* sebelum kedatangan Islam dan Kristian sebagai masyarakat yang mengamalkan budaya Pagan (William, 1965: 5). Istilah Pagan membawa maksud seseorang atau sekumpulan masyarakat yang tidak menyembah tuhan dan masyarakat *Pagan* ini berbeza dengan masyarakat Kristian, Yahudi, Islam, Buddha, Hindu dan masyarakat yang menganut beberapa agama lain (Ensiklopedia Indonesia, 1984: 2504). Dengan erti kata lain istilah *Pagan* bermaksud masyarakat yang tidak beragama. Masyarakat *Pagan* ini percaya kepada semangat, roh, hantu dan iblis. Kepercayaan terhadap makhluk halus ini diterjemahkan ke dalam kehidupan sehari-hari seperti pertanian, pantang larang dan mantera (Mat Zin, 2003: 23).

Walau bagaimanapun, kedatangan Islam dan Kristian selepas itu telah mengubah spektrum kepercayaan masyarakat di Sabah. Islam dipercayai sampai ke sekitar Sabah pada abad ke-10 (Muhiddin, 1990: 2) dan tersebar luas dalam masyarakat pada abad ke-15 (Ismail, 1989: 61-62) iaitu berdasarkan catatan pengislaman Abdullah seorang suku kaum Idahan di Lahad Datu pada tahun 1408 (Tom & Barbara, 1969-70: 227). Manakala agama Kristian pula berkemungkinan sampai di Borneo apabila Father Odoric, seorang paderi Franciscan dan juga seorang mubaligh Kristian pertama telah sampai di Borneo pada tahun 1332 (Parsons, 1967:

<sup>4</sup> Istilah Pagan digunakan sejak awal sejarah Yunani-Rom untuk orang yang tidak menganuti ajaran Kristian dan mereka yang tidak memuja tuhan yang benar. Pernah juga digunakan bagi merujuk kepada orang Islam semasa Perang Salib tetapi pengertian modennya sudah berubah kepada seseorang yang tidak menyembah Tuhan berlainan seperti yang diamalkan oleh orang Kristian, Yahudi, Islam, Buddha, Hindu dan Sebagainya. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Ensekilopedia Indonesia.1984:2504. Selain itu, dari perspektif Antropologi istilah pagan biasa digunakan oleh tentera Rumawi untuk menghina orang awam. Lihat Rutter.1985:30. Pada permulaan wujudnya agama Kristian, pihak gereja menggunakan istilah Miles Christi untuk askar Kristus yang menganut agama Kristian, manakala istilah Paganus digunakan kepada mereka yang masih belum menukar agama. Walau bagaimanapun, di Borneo Utara, Pagan tidak membawa maksud menghina, tetapi merujuk kepada mereka yang tidak beragama, khususnya yang tidak menganut agama Islam dan Kristian.

137). Penerimaan Kristian di Sabah kemudiannya mula tersebar meluas melalui usaha kerajaan British apabila Labuan jatuh ke tangan mahkota Inggeris pada tahun 1846 (Baker, 1965: 20). Usaha Kristianisasi di Sabah bertambah rancak apabila British menguasai *North Borneo* selepas itu melalui syarikatnya British *Chatered Company* pada tahun 1881 (Muhiddin, 1990: 12). Jadual 1.1 menunjukkan statistik jumlah penduduk Sabah mengikut agama dan etnik pada tahun (1960). Kumpulan etnik di Sabah ketika itu dikategorikan kepada tujuh kumpulan iaitu Kadazan, Bajau, Murut, Cina, Lain-lain suku, Eropah dan Lain-lain.

Jadual 1.1: Jumlah Penduduk Mengikut Agama dan Etnik di Sabah 1960

| <b>Kumpulan Etnik</b> | <b>Jumlah Penduduk</b> | <b>Islam</b>   | <b>Kristian</b> | <b>Lain-lain</b> |
|-----------------------|------------------------|----------------|-----------------|------------------|
| Kadazan               | 145,224                | 9,880          | 36,148          | 99,201           |
| Bajau                 | 59,710                 | 59,421         | 12              | 227              |
| Murut                 | 22,138                 | 687            | 4,598           | 16,853           |
| Cina                  | 104,542                | 520            | 24,352          | 79,670           |
| Lain-lain Suku        | 97,421                 | 69,035         | 2,113           | 8,213            |
| Eropah                | 1,896                  | 162            | 1,657           | 77               |
| Lain-lain             | 44,485                 | 32,619         | 6,367           | 2,499            |
